

18/02/1997

Memburu impian menakluki Everest

Jamhariah Jaafar

SEKALI pandang, perasaan terkejut mencengkam diri. Jangkaan untuk melihat sebatang tubuh tegap dan sasa ternyata begitu meleset, yang berdiri di hadapan ialah dua wanita bertubuh kecil, mungkin melayang apabila ditiup angin ribut.

Tetapi bak kata pepatah Inggeris 'don't judge a book by it's cover' atau jangan menilai buku berdasarkan kulitnya. Ini kerana setiap patah perkataan yang keluar dari bibir kedua-dua wanita ini begitu bersemangat dan perkataan 'challenge' dan cabaran, serta 'want to be equal' keluar bak air mencurah-curah.

Hanya orang yang sehati sejiwa dan tidak takut sebarang dugaan faham perasaan mereka. Insan biasa lain akan memanggil mereka 'gila' dan 'bodoh' kerana wanita biasanya tempat mereka di sisi keluarga, melayan suami dan anak-anak, serta memasak di dapur. Betapa kunonya pemikiran itu!

"Saya tidak malu mengatakan umur saya 41 tahun, belum mempunyai dan tidak punya masa untuk memikirkan perkara itu. Jangan, jangan cakap saya seorang yang ego, kerana bagi saya impian saya untuk berada di puncak dunia belum lagi tercapai.

"Selagi nafas dan daya masih ada mengapa saya mesti tunduk kepada kehendak masyarakat. Mengapa saya tidak boleh menjadi wanita yang sempurna, tetapi pada masa yang sama tidak takut untuk memburu impian saya.

"Lagipun saya belum berumah tangga, bukan saya tidak menginginya, tetapi belum ada jodoh. Jadi mengapa saya mesti duduk di rumah dan menangi nasib diri sedangkan begitu banyak lagi perkara yang lebih berfaedah boleh saya lakukan," kata Teoh Lee Lee, pekerja Sirim Berhad, yang jelas berhati waja.

Dia adalah seorang daripada dua wanita yang mungkin menjadi rakyat Malaysia pertama menjejak kaki ke puncak tertinggi dunia, Gunung Everest, apabila ekspedisi pendakian itu dilaksanakan bermula 1 Mac ini.

Temannya seperjuangannya, Norijah Abdul Ghani, 43, turut mempunyai pandangan yang sama.

"Emak saya sudah berbuih mulut berleter mengenai kegiatan saya ini. Tetapi akhirnya dia senyap sendiri kerana ternyata semangat saya tidak mudah luntur untuk menjadi wanita pertama berada di puncak Everest," katanya.

Bagaimanapun peluang Lee Lee untuk menyertai skuad 12 pendaki ke puncak Everest kelihatan lebih cerah berbanding Norijah. Dia menjadi pendaki simpanan pertama, iaitu orang pertama yang akan dipilih untuk menyertai skuad cabaran negara itu sekiranya ada antara 12 lelaki yang dipilih menarik diri.

"Daripada senario hari ke hari, saya dapati peluang saya amat cerah. Kerana itu saya turut serta dalam ekspedisi latihan ke India, Nepal dan New Zealand sepanjang tahun lalu.

Dan keadaan yang paling mencabar kewibawaannya sebagai pendaki ialah apabila terpaksa berjalan dalam salji yang membenamkan diri hingga ke paras tengkok ketika berada di India, Oktober lalu.

"Takut? Jika saya kata tidak tentu ada orang akan mentertawakan. Tetapi terus terang saya katakan ketakutan yang timbul hanya sekelumit, tetapi semangat untuk menempoh cabaran itu mengatasi sebarang perasaan lain.

"Inilah dikatakan kehidupan. Di mana tidak ramai orang berani melakukan saya ingin menjadi antara manusia yang ingin mencuba satu kelainan. Kamu

ingin mengatakan saya gila, silakan. Saya tidak marah kerana saya berjaya mencapai suatu kejayaan di mana kamu begitu takut untuk melakukan. Siapa yang lebih hidup di sini, saya atau kamu.

"Mati, kalau sudah ajal kita boleh mati di mana-mana sahaja. Tidak panjat Gunung Everestpun kita boleh mati. Tetapi jika memang ajal saya di sana, apa yang dapat saya katakan. Matlamat saya ialah untuk merealisasikan impian saya iaitu berada di puncak Everest, saya cuba melakukannya sedaya upaya. Selain itu saya serahkan kepada Tuhan," kata Lee Lee dalam bahasa Melayu yang sungguh fasih.

Bayangkan wanita bertubuh kecil yang mempunyai ketinggian sekadar 160sm dan berat badan kira-kira 55kg ini, memikul beg seberat lebih 20kg. Itu belum ditambah dengan baju tebal dan kasut berat yang terpaksa dibawa bersama untuk menghadapi cuaca sejuk di bawah paras beku di pertengahan pendakian kelak.

Impian untuk mendaki puncak Everest mula direalisasikan sejak tiga tahun lalu oleh Presiden Persatuan Mendaki Malaysia (PMM) Nor Ramlle Sulaiman. Mereka memerlukan lebih RM4 juta dan ketika ekspedisi ini semakin hampir, ternyata mereka masih kekurangan hampir RM1 juta lagi.

Apa yang menyedihkan ada pihak yang berjanji untuk membantu masih belum tampil menghulur sumbangan, manakala ada yang sudah membuat kutipan tetapi sehingga kini bayang duitnya masih belum diterima oleh PMM.

Gunung Everest yang mempunyai ketinggian 29,028 kaki, terletak di Banjaran Himalaya (Nepal) mempunyai suhu dingin di bawah paras beku. Kadang kala ia boleh mencapai minus 30 darjah selsius dan tiupan angin dingin boleh mencecah sehingga 52 darjah selsius.

Walaupun gambaran diberi menggerunkan tetapi ia tidak mampu untuk menghalang manusia daripada menaklukinya. Sir Edmund Hillary mencatat sejarah sebagai manusia pertama berada di puncaknya pada 1953, berkongsi sejarah bersama Tenzing Norgay Sherpa.

Wanita yang sering digambar sebagai golongan yang lemah juga pernah membuktikan kemampuan diri.

Perintisnya ialah Junko Tabei dan Ang Rita Sherpa, bukan sekadar mencatat sejarah dengan menjadi wanita pertama menguasai puncak tertinggi dunia, tetapi mengulangi pencapaian yang sama sehingga sembilan kali.

Lee Lee dan Norijah ingin mewakili wanita Malaysia untuk mencatat nama dalam lipatan sejarah sekurang-kurangnya di negara ini.

"Selepas bertemu Banchendri Pal, wanita India pertama yang berada di puncak Everest ketika berada di Nepal tahun lalu, saya yakin akan kemampuan saya untuk turut melakukannya.

"Sudah tentu sukar, tetapi pengalaman lebih 15 tahun mendaki gunung adalah bekalan terbaik yang akan saya bawa," kata Lee Lee.

Bagi Norijah, dia lebih terbabit dengan pihak penganjur, menguruskan keperluan setiap pendaki.

"Semua kami akan ke Nepal, tetapi hanya 12 pendaki sahaja akan menakluk Gunung Everest.

"Saya memang bercita-cita untuk turut menjadi salah seorang daripada mereka, tetapi begitu ramai yang ingin berbuat demikian sedangkan kuota yang dilulus oleh pihak berkuasa Nepal sekarang 12 orang, termasuk seorang ketua ekspedisi dan seorang doktor.

"Sama ada saya ke puncak Everest ataupun tidak, saya tetap berbangga kerana menjadi sebahagian daripada pasukan yang bakal meletakkan bendera Malaysia di puncak tertinggi dunia." katanya.

Sehingga kini, seramai 560 pendaki dari 20 negara sudah menguasai puncak tertinggi dunia ini, tetapi pada masa yang sama 230 nyawa terkorban sebelum sempat mencapai matlamat.

"Kerana itu, kami perlu membuat persediaan yang begitu teliti, setiap satu barang yang bakal dibawa adalah penting. Memang perbelanjaannya

tinggi, tetapi kami bernasib baik mendapat sokongan padu dari seluruh rakyat Malaysia yang diketuai oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," kata Lee Lee.

Kumpulan seramai 20 orang akan memulakan ekspedisi pada 1 Mac depan. Mereka akan berada kira-kira tiga bulan di Nepal dan dijangka memulakan pendakian pada awal Mei.

"Kami akan pastikan bendera Malaysia turut dipacak di puncak Everest sebelum ekspedisi ini berakhir.

"Itu adalah hasrat kami untuk menyaksikan anak Malaysia turut mampu membawa cabaran yang selama ini hanya menjadi kebanggaan warga asing," kata Lee Lee.

(END)